

Lampiran 8: Memorandum MBIC Berkenaan BB1M

MEMORANDUM BERKENAAN BAUCAR BUKU 1MALAYSIA

Oktober 2014.

Kepada :

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah Binti Mohamad,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Pendidikan Malaysia.



Disediakan oleh :

Majlis Industri Buku Malaysia

Ahli :

- Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
- Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM)
- Persatuan Pengeksport Dan Pengimport Buku Malaysia (MBEIA)
 - Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA)
- Persatuan Penerbit dan Pengedar Buku Bumiputera Malaysia (PPPBBM)

MEMORANDUM BERKENAAN BAUCAR BUKU 1MALAYSIA

Oktober 2014.

Kepada :

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah Binti Mohamad.
Ketua Setiausaha.
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Disediakan oleh :

Majlis Industri Buku Malaysia

Ahli :

- Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
- Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM)
- Persatuan Pengeksport Dan Pengimport Buku Malaysia (MBEIA)
 - Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA)
- Persatuan Penerbit dan Pengedar Buku Bumiputera Malaysia (PPPBBM)

Bahawasanya kami:
MAJLIS INDUSTRI BUKU MALAYSIA (MBIC)

Yang menggabungkan persatuan dalam industri buku seperti berikut:
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA (MABOPA);
PERSATUAN PENGEKSORT DAN PENGIMPORT BUKU MALAYSIA (MBEIA);
PERSATUAN PENERBIT DAN PENGEDAR BUKU BUMIPUTERA MALAYSIA (PPPBBM);
PERSATUAN KONTRAKTOR BUKU MALAYSIA (PKBM); dan,
PERSATUAN PENJUAL BUKU MALAYSIA (MBA);

Memohon perhatian dan pertimbangan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap perkara - perkara berikut dalam Baucar Buku 1Malaysia (BB1M).

1.1 MBIC menyokong penuh inisiatif dan usaha kerajaan memberikan BB1M yang melibatkan 1.3 juta orang pelajar-pelajar tingkatan 6, matrikulasi dan pengajian tinggi dan melibatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM325 juta.

1.2 Bagi memastikan pelaksanaan BB1M mencapai objektifnya maka pihak KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Baucar Buku 1Malaysia untuk pelajar dan pekedai buku.

1.3 Garis Panduan yang dikemaskini dalam tahun 2014 antara lainnya menjelaskan bahawa para pelajar boleh menggunakan BB1M ini hanya untuk membeli buku-buku rujukan untuk pengajian sahaja.

1.4 Namun begitu, pihak MBIC menerima dua maklumbalas utama dari pihak industri;

1.4.1 Pertama, bahawa jualan buku menggunakan BB1M 2014 semakin menurun berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini, walaupun dengan jumlah peruntukan dari kerajaan yang semakin besar.

1.4.2 Kedua, pihak MBIC telah menerima laporan pelbagai insiden penyalahgunaan BB1M 2014. Baucar Buku tersebut telah ditukarkan dengan bahan-bahan yang tidak izin di dalam Garis Panduan seperti peralatan komputer, telefon bimbit, pakaian, kredit pra-bayar, makanan, penebusan tunai dan pelbagai lagi. Insiden yang dapat dikesan ada dilampirkan dalam Lampiran 1.

1.5 Justeru itu kami, MBIC ingin mencadangkan beberapa perkara untuk memperkemas mekanik penggunaan BB1M 2015 :

1.5.1 Supaya satu sesi post-mortem segera dilakukan untuk mendapatkan maklum balas terkini dari pihak industri buku mengenai pelaksanaan BB1M 2014.

1.5.2 Supaya KPM segera mengadakan satu kajian suni (*tracer study*) untuk mendapatkan data-data bagaimana BB1M 2012, 2013 dan 2014 dibelanjakan oleh para pelajar.

1.5.3 Supaya KPM mengambil langkah-langkah pemantauan yang berkesan bagi memastikan Garis Panduan Baucar Buku 1Malaysia 2015 yang akan datang nanti dipatuhi.

1.5.4 Supaya semua IPT, IPTS atau mana-mana pihak yang menganjurkan pameran dan pesta buku untuk penebusan BB1M nanti, terutamanya di dalam kampus, memastikan bahawa Garis Panduan Baucer Buku 1Malaysia dipatuhi.

1.5.5 Supaya peniaga, pedagang dan pembekal yang berdaftar dengan MBIC, dan berwibawa sahaja dibenarkan untuk menebus BB1M di Bank Simpanan Nasional.

1.5.6 Supaya peniaga, pedagang dan pembekal yang mengambil kesempatan untuk menawarkan penebusan kepada pelajar dengan bahan tidak izin (selain buku) dikenakan tindakan senarai hitam (*blacklist*) dari sistem tebusan BB1M di Bank Simpanan Nasional.


1.5.7 Supaya pelajar yang menerima BB1M diberikan penerangan dan kesedaran untuk menggunakan Baucar Buku secara amanah dan bijaksana.

1.5.8 Supaya Majlis Industri Buku Malaysia (MBIC) selaku majlis yang menggabungkan 5 persatuan perbukuan dilantik untuk menjadi salah satu badan pemantau bersama-sama dengan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.6 Pertimbangan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam perkara ini amat kami hargai.

1.7 Untuk perbincangan lanjut, Haji Ishak Hamzah, Pengerusi Majlis Industri Buku Malaysia boleh dihubungi di telefon 019-2735657 atau email : ishamzah@yahoo.co.uk


Ditandatangani bersama pada 11 November 2014.




Haji Ishak Hamzah
Pengerusi,
Majlis Industri Buku Malaysia (MBIC).




Dato' Dr. Haji Hussamuddin Bin Yaacob
Presiden,
Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)




Dato' Dr. Ivan Hoe Wat Sing
Presiden,
Persatuan Pengeksport dan Pengimport Buku Malaysia (MBEIA)



Dato' Haji Zainudin Othman
Presiden,
Persatuan Penerbit dan Pengedar Buku Bumiputera Malaysia (PPPBBM)



Encik Adi Irwan Dato' Azhari
Presiden,
Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM)



Encik Keith Thong Yuet Sheng
Presiden,
Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA)

Lampiran 1. Gambar-Gambar Bukti Penyalahgunaan BB1M 2014



forum.lowyat.net

2 Pages 1 2 Next Buttons

[WFB] BB1M book vouchers

Share on Facebook | Track this topic | Email this topic

to user Enxhious Posted Mar 4 2014, 06:33 PM Post #1

Item(s): Bucer Buku 1 Malaysia (BB1M)

Price: Pm me your best price

Dealing method: COO

Location: Serdang, Seri Kembangan

Contact method/details: Pm me

Item(s) conditions: Doesn't matter if you have your name or JC written on it.

This post has been edited by Enxhious: Mar 5 2014, 03:20 PM

QUOTE REPLY

Lowyat.net

2 New Stories

Peggy Goh > Kuching Kang Tao

30 minutes ago

Swinburne's student! 注意注意! 明天和后天我会去你们学校换book voucher 要换1malaysia rm250 book voucher去现钱的找我就! wechat: Lenwongsuisui / sms 0139830117 Attention to all Swinburne's students! Those who are getting 1malaysia rm250 book voucher, if you wanna change into cash, kindly wechat me Peggy_0530. I will be at your school tomorrow and tuesday!

1 Like 3 comments

Like Comment

Suria Dani commented on this post

Facebook


Lampiran 1. Gambar-Gambar Bukti Penyalahgunaan BB1M 2014



UiTM Pematang Pauh



UKM 10 Mac 2014



Universiti Malaya



Universiti Malaya



Universiti Malaya



Harian Metro 13 April 2014